

MAHATHIR

1984

KUALA LUMPUR, 21 MEI (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK MASYARAKAT ISLAM MENGHAPUSKAN PEMBAZIRAN WANG PERPERANGAN SESAMA SENDIRI DAN KEKOLOTAN PANDANGAN TERHADAP PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN UNTUK MENGAMBALIKAN KEAGUNGAN TAMADDUN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA SEGALA KEKAYAAN ORANG-ORANG ISLAM HENDAKLAH DIGUNAKAN UNTUK MENEGAKKAN SEMULA ILMU PENGETAHUAN, KECEKAPAN DAN PEMBANGUNAN UMAT ISLAM.

KATANYA, UMAT ISLAM MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PERMULAAN UNTUK MEMBINA ASAS YANG KUKUH BAGI GENERASI YANG AKAN DATANG KE ARAH MENDIRIKAN KEAGUNGAN TAMADDUN ISLAM.

KEBANGKITAN TAMADDUN ISLAM YANG BARU DAN CEMERLANG BUKANLAH SATU PERKARA YANG MUSTAHIL KERANA UMAT ISLAM MEMPUYAI CERDEK PANDAI YANG HAMPIR SETANDUNG DENGAN TOKOH-TOKOH ISLAM ZAMAN KE GEMILANGANNYA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PAMERAN ANTARABANGSA TAMADDUN ISLAM DI MUZIUM NEGARA DI SINI.

PAMERAN SELAMA LEBIH TIGA BULAN ITU DI ANJURKAN OLEH AKHBAR BERITA HARIAN DAN MUZIUM NEGARA DENGAN KERJASAMA MUZIUM NEGARA-NEGARA ISLAM TERMASUK MUZIUM TOPKAPI SARAY, ISTANBUL, TURKI. --LAGI 1236/HM

MAHATHIR - 2 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENYERI KEMEROSOTAN TAMADDUN ISLAM BERPUNCA DARIPADA DUA PERKARA, PERTAMA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ISLAM YANG MEMERINTAH MENGIKUT SISTEM FEUDAL TELAH KHAYAL DENGAN KEMEWAHAN HIDUP SEHINGGA LUPA KEPADA AJARAN ISLAM.

KEDUANYA, WUJUD KUMPULAN-KUMPULAN ULAMAK YANG MEMBAWATAFSIRAN ISLAM YANG SEMPIT. MEREKA MENOLAK SEMUA ILMU LAIN SEBAGAI SEKULAR MELAINKAN YANG KHUSUS BERKENAAN DENGAN AGAMA.

PADA ZAMAN INI PUN TERDAPAT KEDUA-DUA FAKTOR ITU. ADA KEKAYAAN YANG MENGHAYALKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BEBERAPA NEGARA ISLAM SEHINGGA MEREKA LUPA AKAN AJARAN AL QURAN.

+DAN ADA JUGA KUMPULAN YANG CUBA MENGHALANGI PELAJARAN ILMU PENGETAHUAN YANG TIDAK KHUSUS MENGENAI AGAMA,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA KEDUA-DUA FAKTOR INI TAMADDUN ISLAM TIDAK MUNGKIN MENCAPAI KE GEMILANG YANG DIIDAMKAN. --LAGI 1307/HM

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGSKAN ISLAM TIDAK MENUTUP PINTU KEPADA ILMU, SEBALIKNYA TELAH MEMBUKA PELUANG KEPADA ORANG ISLAM SUPAYA MENUNTUT ILMU DAN MENGGUNAKAN UNTUK MENDIRIKAN SATU TAMADDUN YANG TERAGUNG.

KATANYA, ORANG-ORANG ARAB YANG CUMA TAHU MENGGUNAKAN UNTA DAN KUDA SELEPAS KEDATANGAN ISLAM MENJADI SATU BANGSA YANG DAPAT MENYEBERANGI LAUT DENGAN MENGGUNAKAN ILMU PELAYARAN CELESTIAL, MENCIPTA DAN MENGGUNAKAN KOMPAS, PAKAR DALAM BIDANG ASTRONOMI, SENI BINA, MENGUBAT BERMACAM-MACAM PENYAKIT, MENGGUNAKAN LOGAM, MENCIPTA MATEMATIK BARU TERMASUK ALJIBRA, MANGKAJI ALCHEMY DAN BERMACAM-MACAM LAGI.

ILMU YANG SUDAH ADA PADA ORANG-ORANG GREEK DAN TAMADDUN LAIN TELAH DIPELAJARI, DISELIDIKI DAN DITOKOK TAMBAH HINGGA AKHIRNYA ORANG-ORANG EROPAH TERPAKSA PERGI KE UNIVERSITI DALAM EMPAYAR ISLAM UNTUK MENUNTUT ILMU.

KATANYA, MALANGNYA SELEPAS 800 TAHUN TAMADUN ISLAM DAN EMPAYAR ISLAM MEROSOT KERANA DUA FAKTOR YANG DISEBUTNYA TADI.

DATUK SERI OR. MAHATHIR BERKATA MASYARAKAT ISLAM HENDAKLAH MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA CERDEK PANDAI ISLAM UNTUK MENJALANKAN KAJI-SELIDIK DAN MEMBERI UPAHAN YANG WAJAR. --LAGI 1315/HM

WALAU PUN UMAT ISLAM MEMPUNYAI RAMAI CERDIK PANDAI RAMAI DARI MEREKA TERPAKSA BERHIJRAH KE EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT YANG SANGGUP MEMBEKALKAN MEREKA DENGAN KEPERLUAN KAJI-SELIDIK, KATA BELIAU.

BELIAU MENYESALI GOLONGAN ZTU TIDAK DIBERI GALAKAN DAN PELUANG UNTUK MENJALANKAN KAJI-SELIDIK OLEH UMAT ISLAM SENDIRI YANG, TIDAK MENGHARGAI MEREKA SEHINGGA TERPAKSA BERHIJRAH.

“SUDAH TENTULAH HASIL KARYA MEREKA DIPEROLEHI OLEH NEGARA-NEGARA YANG MEMBERI TEMPAT KEPADA MEREKA. ALANGKAH RUGINYA ORANG-ORANG ISLAM APABILA INI BERLAKU,” UJAR BELIAU.

KATANYA DALAM PADA ITU SATU KEMPEN SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENGHAPUSKAN ILMU YANG KONONNYA SEKULAR, WALAU PUN TELAH DITEROKAZ OLEH ORANG ISLAM SENDIRI.

UNIVERSITI-UNIVERSITI ISLAM, TAMBAH BELIAU, HANYA MENUMPUKAN PELAJARAN AGAMA SEDANGKAN ILMU-ILMU LAZIM TIDAK DIBERI PERHATIAN ATAU DIAJAR SECARA CETEK SHAJA TANPA KAJIAN MENDALAM SEPERTI DIBUAT OLEH PAKAR-PAKAR ISLAM PADA ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN FAHAMAN SEPERTI YANG DIBAWA OLEH ULAMAK SEMPITLAH YANG MENGAKIBATKAN CERDIK PANDAI ISLAM DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN MATEMATIK DAN LAIN-LAIN SEMAKIN BERKURANGAN.

TAFIRAN AGAMA YANG SEMAKIN SEMPIT JUGALAH MENGAKIBATKAN AGAMA ISLAM TERHAD KEPADA IBADAT DAN SOAL-SOAL SEKS, TAMBAH BELIAU.

MENYENTUH PAMERAN, PERONA MENTERI BERKATA IA HANYA BOLEH DIANGGAP EERJAYA SEKIRANYA ZA DAPAT MENGERAKKAN MASYARAKAT ISLAM KHUSUSNYADI NEGARA INI UNTUK MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERMULAAAN MENEGAKKAN KEMBALI TAMADDUN ISLAM.

PAMERAN ZTU MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PIHAK MENYAKSI DAN MEMAHAM Z TAMADDUN ISLAM.

ORANG ISLAM BOLEH BERBANGGA DENGANNYA TAPI TIDAK BOLEH BERKHAYAL DAN SEBALIKNYA MENJADIKANNYA SEBAGAI PERZNGATAN TERHADAP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA.

TURUTHADIR ZALAH MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN ENCZK ANWAR IBRAHIM TERMASUK BEBERAPA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN WAKIL-WAKIL DAR Z KEDUTAAN NEGARA-NEGARA ISLAM SERTA PARA PEGAWAL TLNGGL. KERAJAAN.

DATUK SERI DA MAHATHIR TELAH MELAWAT PAMERAN TERSEBUT DI MUZIUM NEGARA DAN Z BALAI SENILUKIS NEGARA YANG MEMFAMERKAN KARYA SENZ LUKIS ISLAM. PAMERIAN MENGENAI TOKOH ISLAM TEMPATAN DIADAKAN DZ ARKIB NEGARA. -- BERNAMA